

i-FlexCover

Perlindungan Insurans Hayat Fleksibel Anda



Talian Khidmat Pelanggan: 1300 22 6262

Sekiranya anda ingin memiliki fleksibiliti untuk mengubah tahap perlindungan anda bagi memenuhi keperluan anda yang sentiasa berubah, i-FlexCover ialah pelan yang tepat.

Dengan i-FlexCover, anda boleh mengawal perlindungan insurans hayat anda dengan memilih jenis perlindungan yang anda mahu dan mempunyai fleksibiliti untuk meningkat atau mengurangi jumlah perlindungan anda apabila keperluan anda berubah.

Daripada RM3.90* sebulan, **i-FlexCover** ialah produk bertempoh modular yang boleh diperbaharui setiap tahun di mana anda boleh menambah atau mengurangkan perlindungan mengikut keperluan anda daripada manfaat berikut:

Manfaat yang Dilindungi

- 1) Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)**
- 2) Kematian Akibat Kemalangan**
- 3) Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan**
- 4) Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menggunakan Pengangkutan Awam**
- 5) Kematian Akibat Kemalangan yang Berlaku Di Luar Malaysia**
- 6) Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan**

*amaun premium yang perlu dibayar adalah berdasarkan jumlah perlindungan. Anda boleh menyemak jumlah premium untuk perlindungan yang anda perlukan di fwd.com.my/life-insurance/i-flexcover.

i-FlexCover ialah produk perlindungan jelas tanpa nilai tunai dan ia boleh didapati dalam talian tanpa perlu menggunakan mana-mana perantara dan anda akan dilindungi dengan serta-merta.

Soalan-Soalan Lazim

S: Adakah saya layak untuk memohon pelan ini?

J: **i-FlexCover** disediakan kepada semua warganegara Malaysia, Singapura dan Brunei yang berumur dari 16 hingga 55 tahun.

S: Berapakah jumlah yang boleh saya pilih untuk melindungi diri saya dan apakah tempoh perlindungan untuk pelan ini?

J: Anda boleh memilih daripada manfaat berikut dan jumlah perlindungan berdasarkan keperluan anda. **i-FlexCover** ialah pelan boleh diperbaharui tahunan dengan tempoh perlindungan sehingga umur 61 tahun dan pembaharuan terakhir apabila umur mencecah 60 tahun.

Manfaat	Jumlah yang Diinsuranskan Minimum (RM)	Jumlah yang Diinsuranskan Maksimum (RM)
1) Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	5,000	150,000
2) Kematian Akibat Kemalangan	10,000	300,000
3) Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan	10,000	300,000
4) Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menggunakan Pengangkutan Awam	15,000	450,000
5) Kematian Akibat Kemalangan yang Berlaku Di Luar Malaysia	15,000	450,000
6) Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan	50/hari	250/hari

Pemilihan jumlah yang diinsuranskan adalah berdasarkan gandaan RM5,000. Bagi Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan, manfaat yang dibayar adalah 1% daripada jumlah yang diinsuranskan, tertakluk kepada perlindungan maksimum RM250 sehari.

S: Bagaimanakah saya boleh menukar pelan saya?

J: Anda boleh menambahkan atau mengurangkan jumlah yang diinsuranskan pada tarikh tamat tempoh premium seterusnya.

Untuk menukar jumlah yang diinsuranskan pelan anda, sila berbual secara langsung dengan kami di fwd.com.my, hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1300 22 6262 atau e-mel ask@fwd.com.

S: Berapa lama saya perlu membayar premium?

J: **i-FlexCover** menyediakan perlindungan sehingga umur 61 tahun dengan umur pembaharuan terakhir pada 60 tahun. Untuk menikmati perlindungan penuh sehingga umur 61 tahun, anda perlu membayar premium sepanjang tempoh perlindungan.

Sila layari fwd.com.my/life-insurance/i-flexcover untuk mendapatkan sebut harga segera bagi premium yang perlu dibayar untuk manfaat dan jumlah perlindungan yang anda inginkan.

S: Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

J: Berbual secara langsung dengan kami di fwd.com.my atau gunakan Talian Khidmat Pelanggan kami di 1 300 22 6262. Untuk mempercepatkan pembayaran wang polisi sekiranya melakukan tuntutan, anda dinasihatkan untuk menamakan benefisiari anda.

Anda boleh memberikan penama-penama anda semasa proses permohonan atau memuat turun dan melengkapkan Borang Penamaan di laman web kami fwd.com.my/insurance/forms selepas polisi anda telah dikeluarkan.

S: Saya berminat, bagaimana saya boleh membeli?

J: Anda boleh mendapatkan perlindungan segera jika anda membeli pelan ini di fwd.com.my/life-insurance/i-flexcover. Kontrak polisi anda akan dihantar ke akaun e-mel anda.

S: Apakah beberapa pengecualian di bawah pelan ini?

J: Pengecualian di bawah pelan ini adalah:

- Manfaat kematian TIDAK akan dibayar sekiranya Orang yang Diinsuranskan membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Permulaan atau daripada tarikh perlindungan dinaiktaraf, meninggal dunia di bawah kuasa pengadilan, atau melakukan atau cubaan melakukan perbuatan yang menyalahi undangundang di bawah Undang-undang Malaysia.
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) TIDAK akan dibayar sekiranya HUMK disebabkan oleh percubaan membunuh diri, kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri, pengaruh dadah atau minuman keras, penglibatan dalam aktiviti berbahaya, penglibatan dalam pelayaran kapal selam, menjalankan tugas dalam tentera, penyakit sedia ada atau kemalangan, aktiviti dan pekerjaan berbahaya yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tinju dan menyelam.
- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan TIDAK akan dibayar sekiranya kematian disebabkan oleh serangan atau pembunuhan, rusuhan, bunuh diri, pengaruh alkohol, penyalahgunaan dadah, kehamilan, hilang upaya sedia ada, aktiviti dan pekerjaan berbahaya yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tinju dan menyelam.
- Manfaat HUMK Akibat Kemalangan TIDAK akan dibayar sekiranya HUMK disebabkan oleh: serangan atau pembunuhan, rusuhan, kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas, mencederakan diri sendiri atau memusnahkan atau sebarang percubaan untuk melakukan tindakan tersebut ketika waras atau tidak siaman, percubaan membunuh diri ketika waras atau tidak siaman, penyalahgunaan dadah, kehamilan, hilang upaya sedia ada, aktiviti dan pekerjaan berbahaya yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tinju dan menyelam.
- Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan TIDAK akan dibayar sekiranya kemalangan disebabkan oleh serangan atau pembunuhan, rusuhan, bunuh diri, berada di bawah pengaruh alkohol, penyalahgunaan dadah, kehamilan, hilang upaya sedia ada, aktiviti dan pekerjaan berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada tinju, dan menyelam, penyakit yang didiagnosis atau dihidapi oleh Hayat yang Diasuranskan sebelum tarikh pengeluaran polisi.

Pengecualian manfaat yang dikemukakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada kontrak polisi.

Nota Penting

Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang akan mempengaruhi profil risiko Anda, seperti pekerjaan dan umur Anda, dengan betul.

Jika Anda gagal memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam pekerjaan Anda, kami boleh menolak perlindungan Anda.

Anda harus berasa puas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan Anda dengan sebaiknya dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang Anda mampu bayar. Anda diberi tempoh tenggang selama 31 hari selepas tarikh tamat tempoh untuk membuat pembayaran premium Anda. Kegagalan pembayaran premium boleh menyebabkan perlindungan dihentikan.

Tempoh pengamatan percuma selama 15 hari diberikan untuk Anda menyemak kesesuaian pelan selepas Anda bersetuju dengan kontrak polisi. Jika Anda memulangkan kontrak polisi kepada Syarikat dalam tempoh ini, semua premium yang telah dibayar akan dikembalikan kepada Anda, tanpa faedah, dan kontrak polisi akan dianggap sebagai terbatal dari tempoh berkuat kuasa.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Risalah ini adalah untuk maklumat sahaja. Ia bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat pelan yang terperinci sebelum membeli pelan tersebut.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak untuk pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Untuk maklumat lanjut

Sembang secara langsung dengan kami
di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com



**Talian Khidmat
Pelanggan**

1 300 22 6262

Waktu operasi: 8.30am
– 5.30pm, Isnin hingga
Jumaat, kecuali cuti umum

Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 10 juta pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan rakyat Malaysia.

FWD Insurance Berhad (dahulunya dikenali sebagai Gibraltar BSN Life Berhad)
199301022976 (277714-A)

Level 21, Mercu 2, KL Eco City, No. 3 Jalan Bangsar,
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.